



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

RM252.7 JUTA R&D DILULUSKAN MOSTI SETAKAT SUKU KETIGA TAHUN 2023

PUTRAJAYA, 25 Oktober 2023 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah melancarkan Malaysia Grand Challenge (MGC) pada 8 Januari 2021. MGC disokong oleh lima (5) skim pembiayaan dana R&D MOSTI di bawah Program Dana Pemacu Teknologi Strategik (PEMACU) iaitu Dana *Applied Innovation* (AIF), Dana Pembangunan Teknologi 1 (TeD 1), Dana Pembangunan Teknologi 2 (TeD 2), Dana *Bridging* (BGF) dan Dana Penyelidikan Strategik (SRF).

MGC ini adalah bagi menghasilkan penyelesaian berasaskan sains, teknologi dan inovasi yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat melalui hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkualiti dan berimpak tinggi mengikut bidang keutamaan yang telah dikenal pasti melalui rangka kerja 10-10 MySTIE dan juga 30 bidang tujahan yang telah dibangunkan.

Sepuluh (10) bidang keutamaan tersebut adalah tenaga; pendidikan; air dan makanan; pertanian dan perhutanan; alam sekitar dan biodiversiti; bandar pintar dan pengangkutan; perubatan dan penjagaan kesihatan; kebudayaan, kesenian dan pelancongan; perkhidmatan perniagaan dan kewangan; serta teknologi dan sistem pintar (kejuruteraan dan pembuatan generasi baharu).

Skim pembiayaan ini ditawarkan kepada kategori pemohon yang layak termasuk penyelidik Institut Penyelidikan Tinggi (IPT), Institut Penyelidikan Kerajaan (GRI), individu serta persatuan, Koperasi dan NGO yang berdaftar. Selain itu, ia turut terbuka kepada syarikat perniagaan termasuklah syarikat pemula (*start-up*) yang berasaskan atau berkaitan teknologi serta inovasi dan PMKS yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Pemohon daripada *start-up* perlu memenuhi kriteria asas seperti pemilikan majoriti oleh warganegara Malaysia.

“Seperti yang telah digariskan dalam rancangan Ekonomi MADANI, kerajaan komited untuk memperkasa sektor R&D, dengan sasaran 3.5 peratus nisbah perbelanjaan kasar R&D (GERD) terhadap KDNK menjelang 2030, bagi memastikan pembangunan negara yang mampan untuk jangka masa yang panjang,” ulas YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Tambah beliau, pemerkasaan sektor R&D akan menjurus kepada peningkatan nilai dan tahap ekonomi negara ekoran perkembangan inovasi, di samping pembangunan bakat-bakat tempatan yang akan melonjakkan penciptaan teknologi tempatan yang berdaya saing dan bertaraf global.

Siling peruntukan keseluruhan RMKe-12 bagi dana PEMACU yang diluluskan adalah berjumlah RM350 juta. Sehingga September 2023, MOSTI telah meluluskan 119 projek R&D dengan kos berjumlah RM252.7 juta.

Tiga (3) pemacu sosio-ekonomi (*socio-economic driver*) yang menerima jumlah pembiayaan geran terbesar Dana MOSTI adalah Teknologi dan Sistem Pintar (Kejuruteraan dan Pembuatan Generasi Baru); Perubatan dan Penjagaan Kesihatan; dan Bandar Pintar dan Pengangkutan.

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

25 Oktober 2023

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Encik Imran Bin Abdullah
Setiausaha Bahagian
Bahagian Dana MOSTI
(03-8885 8298)